

# MOHE SPORTS FEST 2018

---

## PERATURAN PERMAINAN RENANG

### 1 PERATURAN AM / TEKNIKAL

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Renang sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Persekutuan Renang Amatur Antarabangsa (FINA).
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
  - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM MOHE Sports Fest 2018**.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Renang MOHE Sports Fest 2018 dan keputusan adalah MUKTAMAD.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Renang MOHE Sports Fest 2018 adalah MUKTAMAD.

### 2 TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1 Acara Renang akan dilangsungkan pada **24 hingga 26 Julai 2018** seperti berikut:-
  - 2.1.1 **24 Julai 2018 (Hari Pertama)** – Sesi Pagi & Sesi Petang
  - 2.1.2 **25 Julai 2018 (Hari Ke-2)** - Sesi Pagi & Sesi Petang
  - 2.1.3 **26 Julai 2018 (Hari Ke-3)** - Sesi Pagi

### 3 TEMPAT PERTANDINGAN

**Pusat Akuatik Hang Jebat**  
Kompleks Sukan Hang Jebat, Melaka

### 4 PERATURAN PERTANDINGAN

- 4.1 Acara / Kategori yang dipertandingkan

# MOHE SPORTS FEST 2018

---

## 4.1.1 Kategori Individu

ACARA	BIL	LELAKI	BIL	WANITA
INDIVIDU	1	50 Meter Gaya Bebas	1	50 Meter Gaya Bebas
	2	100 Meter Gaya Bebas	2	100 Meter Gaya Bebas
	3	200 Meter Gaya Bebas	3	200 Meter Gaya Bebas
	4	400 Meter Gaya Bebas	4	400 Meter Gaya Bebas
	5	1500 Meter Gaya Bebas	5	800 Meter Gaya Bebas
	6	50 Meter Kuak Dada	6	50 Meter Kuak Dada
	7	100 Meter Kuak Dada	7	100 Meter Kuak Dada
	8	200 Meter Kuak Dada	8	200 Meter Kuak Dada
	9	50 Meter Gaya Kupu-kupu	9	50 Meter Gaya Kupu-kupu
	10	100 Meter Gaya Kupu-kupu	10	100 Meter Gaya Kupu-kupu
	11	200 Meter Gaya Kupu-kupu	11	200 Meter Gaya Kupu-kupu
	12	50 Meter Gaya Lentang	12	50 Meter Gaya Lentang
	13	100 Meter Gaya Lentang	13	100 Meter Gaya Lentang
	14	200 Meter Gaya Lentang	14	200 Meter Gaya Lentang
	15	200 Meter Rampaian Individu	15	200 Meter Rampaian Individu
	16	400 Meter Rampaian Individu	16	400 Meter Rampaian Individu

## 4.1.2 Kategori Berpasukan

ACARA	BIL	LELAKI	BIL	WANITA
BERPASUKAN	17	4 x 100 Meter Gaya Bebas	17	4 x 100 Meter Gaya Bebas
	18	4 x 200 Meter Gaya Bebas	18	4 x 200 Meter Gaya Bebas
	19	4 x 100 Meter Rampaian	19	4 x 100 Meter Rampaian

## 4.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

### 4.2.1 Yuran Pendaftaran

4.2.1.1 Acara Individu – **RM10.00/** atlet akan dikenakan sebagai yuran pendaftaran bagi setiap acara.

4.2.1.2 Acara Berpasukan (Berganti-ganti) – **RM40.00/** pasukan dikenakan sebagai yuran pendaftaran.

### 4.2.2 Pembentukan Pasukan

## MOHE SPORTS FEST 2018

---

4.2.2.1 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan renang lelaki dan satu (1) pasukan renang wanita sahaja yang terdiri daripada :

4.2.2.1.1 Seorang Pengurus Pasukan

4.2.2.1.2 Maksimum 5 Pegawai/ Jurulatih

4.2.2.1.3 Peserta Lelaki, maksimum 20 orang

4.2.2.1.4 Peserta Wanita, maksimum 20 orang

4.2.2.2 Ringkasan Penyertaan (Bilangan Pegawai dan Atlet)

Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah
Individu dan Berpasukan	20	20	6	46

4.2.3 Pendaftaran Atlet

4.2.3.1 Katagori Individu

4.2.3.1.1 Seorang perenang dibenarkan menyertai semua acara yang dipertandingkan.

4.2.3.1.2 **Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftarkan maksimum empat (4) orang peserta bagi setiap acara Individu dan maksimum dua (2) pasukan bagi setiap acara berpasukan.**

4.2.3.1.3 Borang pendaftaran (atau pendaftaran secara 'on-line') peserta hendaklah diserahkan/ dilengkapi kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan bermula (tarikh seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MOHE Sports Fest / Jawatankuasa Pengelola).

4.2.3.1.4 Sebarang pertukaran peserta (gugur/ganti) hendaklah dilakukan selewat-lewatnya semasa Taklimat Pengurus-pengurus Pasukan sahaja dengan menggunakan borang yang telah disediakan oleh urusetia. Permohonan untuk pertukaran selepas daripada taklimat tersebut tidak akan dilayan dan diterima sama sekali.

4.2.3.1.5 Hanya peserta yang namanya didaftarkan dalam borang pendaftaran (atau pendaftaran secara 'on-line') sahaja dibenarkan mengambil bahagian. Kegagalan peserta mendaftarkan nama di dalam pasukan masing-masing akan menyebabkan peserta tersebut tidak layak mengambil bahagian dalam mana-mana acara yang dipertandingkan.

### 4.2.3.2 Kategori Berpasukan

4.2.3.2.1 Setiap kontinjen hanya dibenarkan mendaftarkan maksimum dua (2) pasukan sahaja bagi setiap acara berpasukan.

4.2.3.2.2 Dalam acara berpasukan, nama-nama peserta mengikut susunan untuk pusingan awal hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia Kejohanan tidak lewat daripada 1 jam sebelum acara berkenaan berlangsung. Bagi acara berpasukan rampaian, nama-nama peserta hendaklah diberi mengikut gaya atau kuak mereka.

4.2.3.2.3 Sebarang pertukaran peserta (gugur/ganti) hendaklah dilakukan selewat-lewatnya semasa Taklimat Pengurus-pengurus Pasukan sahaja dengan menggunakan borang yang telah disediakan oleh urusetia. Permohonan untuk pertukaran selepas daripada taklimat tersebut tidak akan dilayan dan diterima sama sekali.

4.2.3.2.4 Hanya peserta yang namanya didaftarkan dalam borang pendaftaran (atau pendaftaran secara 'on-line') sahaja dibenarkan mengambil bahagian. Kegagalan peserta mendaftarkan nama di dalam pasukan masing-masing akan menyebabkan peserta tersebut tidak layak mengambil bahagian dalam mana-mana acara yang dipertandingkan.

### 4.3 Sistem Pertandingan

4.3.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut acara dan jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

4.3.2 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut sistem '**TIMED FINALS**' bagi setiap acara yang dipertandingkan.

4.3.3 Susunan acara hendaklah mengikut susunan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola dan dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MOHE Sports Fest 2018.

## MOHE SPORTS FEST 2018

---

- 4.3.4 Undian lorong/ saringan adalah berdasarkan kepada masa pencapaian terbaik peserta mengikut yang tercatat dalam borang pendaftaran. Sekiranya tiada serahan masa yang diberikan maka susunan lorong/ saringan akan dilakukan oleh pihak teknikal permainan secara rawak sahaja.
- 4.3.5 Setiap acara yang dipertandingkan tidak akan dijalankan sekiranya mendapat kurang dari minimum tiga (3) penyertaan daripada tiga (3) pasukan yang berbeza.
- 4.3.6 Tiap-tiap peserta hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Peserta di Bilik Panggilan sekurang-kurangnya 10 minit sebelum acaranya bermula. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaannya dalam acara tersebut dibatalkan.
- 4.3.7 Peserta yang menarik diri daripada pertandingan dalam mana-mana acara dia daftarkan akan dibatalkan penyertaannya untuk semua acara berikutnya sepanjang hari kejohanan tersebut berlangsung.
- 4.3.8 Pemenang ditentukan menerusi catatan masa terbaik (berdasarkan sistem TIMED FINALS).
- 4.4 Pakaian Dan Peralatan
- 4.4.1 Rujuk Peraturan Am FINA dan Peraturan Am MOHE Sports Fest 2018.
- 4.5 Peralatan Pertandingan
- 4.5.1 Kolam pertandingan bersaiz Olimpik.
- 4.5.2 Sistem keputusan elektronik akan digunakan.
- 4.6 Hadiah Kemenangan
- 4.6.1 Hanya tiga (3) pemenang setiap acara (Individu dan Berpasukan) akan diberi hadiah.
- 4.6.2 Setiap pemenang (Individu dan Berpasukan) akan menerima pingat dan wang tunai.

<b>PEMENANG</b>	<b>INDIVIDU</b>	<b>BERPASUKAN</b>
Pertama	RM 100.00	RM 400.00
Kedua	RM 70.00	RM 200.00
Ketiga	RM 50.00	RM 100.00